

10 DEC, 2021

Motosikal elektrik baharu tempatan



Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2



ADHAM (empat dari kiri) bergambar bersama motosikal elektrik ES-11 yang dibangunkan sepenuhnya oleh anak tempatan pada majlis pelancaran di ibu negara semalam.

Motosikal elektrik baharu tempatan

KUALA LUMPUR – NanoMalaysia Berhad (NMB) dan Eclimo Sdn. Bhd. melancarkan motosikal elektrik dengan sistem pemantauan bateri berstruktur nano (BMS), ES-11 yang direka, dibangunkan dan dihasilkan 100 peratus oleh bakat tempatan.

BMS memberikan pengguna pemantauan penuh terhadap tahap bateri motosikal berkenaan, yang turut dilengkapi sistem penjejakan boleh kawal menerusi aplikasi mudah alih.

ES-11 yang memiliki kelajuan maksimum 100 kilometer sejam menggunakan sel bateri lithium-ion yang mempunyai kitaran hayat sebanyak 1000 kali cas, dengan kemampuan perjalanan sehingga 100 kilometer pada kapasiti bateri penuh.

Penggunaan sistem pengecasan palam tiga pin menjadikan ES-11 tidak memerlukan stesen

pengecasan khas dan pada harga bermula RM10,500 di atas jalan, ia turut dipasarkan melalui model sewaan di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, buat masa ini, terdapat 58 unit ES-11 telah dibina dan sebanyak 41 unit telah disewakan kepada rakan-rakan industri.

"Menurut data daripada *Global Electric Vehicle Battery Market 2021-2028*, saiz pasaran kenderaan elektrik (EV) berkelajuan rendah di Asia Pasifik diramalkan mencecah 71.8 juta unit menjelang tahun 2025.

"Kementerian percaya pelancaran ES-11 ini dapat membantu usaha negara menyertai industri EV yang bernilai berbilion ringgit, seterusnya membantu memulihkan ekonomi negara pasca pan-

demik Covid-19," katanya ketika berucap melancarkan motosikal tersebut di sini semalam.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif NMB, Rezal Khairy Ahmad berkata, dalam jangka masa pendek, EV dua roda menyediakan peluang penerimaan pembelian persendirian yang lebih besar di pasaran tempatan disebabkan sistem mengecas lebih mudah, penggunaan kuasa 90 peratus lebih rendah berbanding EV empat roda dan harga yang lebih mampu milik.

"Pelancaran ES-11 tepat pada masanya berikutan pelan kerajaan untuk meningkatkan mobiliti hijau, selain inisiatif dalam Belanjawan 2022 yang mengecualikan EV daripada duti import, duti eksais, cukai jualan dan cukai jalan selain menerima pelepasan cukai pendapatan," ujarnya.



10 DEC, 2021

Motosikal elektrik baharu tempatan

Kosmo, Malaysia



SUMMARIES

ADHAM (empat dari kiri) bergambar bersama motosikal elektrik ES-11 yang dibangunkan sepenuhnya oleh anak tempatan pada majlis pelancaran di ibu negara semalam.

KUALA LUMPUR - NanoMalaysia Berhad (NMB) dan Eclimo Sdn. Bhd. melancarkan motosikal elektrik dengan sistem pemantauan bateri berstruktur nano (BMS), ES-11 yang direka, dibangunkan dan dihasilkan 100 peratus oleh bakat tempatan. BMS memberikan pengguna pemantauan penuh terhadap tahap bateri motosikal berkenaan, yang turut dilengkapi sistem penjejakan boleh kawal menerusi aplikasi mudah alih.